

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HMT 301 - Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam ENAM (6) muka surat

Jawab ENAM (6) soalan sahaja. SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A, SOALAN NO. 2 daripada Bahagian B, SOALAN NO. 3 daripada Bahagian C semuanya WAJIB dan TIGA (3) soalan daripada Bahagian D.

- Tulis nombor 1 hingga 8 secara berurutan di muka hadapan buku jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
- Bahagian A dan B dijawab di dalam kertas soalan ini manakala Bahagian C dan D dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.
- Jawapan mestilah ringkas, tepat dan analitikal.
- Di samping isi, aspek bahasa juga diambil kira.

BAHAGIAN A - (20 markah)

1. Isi tempat yang kosong dengan jawapan yang paling tepat.

Rujukan: Za'ba, 1965.

- (a) Yang mengenai maknanya kepada sesuatu benda lain, tidak terhenti dengan diri pembuatnya sahaja disebut:

Angka Giliran: _____

(b) Perkataan sifat itu terbahagi dua; satu yang menerangkan dari hal nama atau gantinya dan yang satu lagi menerangkan dari hal perkataan lain daripada nama atau gantinya, iaitu:

i. _____

ii. _____

(c) Ada beberapa perkataan Melayu yang tiada berapa terang jenisnya jika tidak dengan rupanya yang asal. Ia disebut:

(d) Perkataan sendi itu dua bahagiannya, iaitu:

i. _____

ii. _____

(e) Sesetengah perbuatan melampau ada dua penyambut, iaitu:

i. _____

ii. _____

Rujukan: Asmah Hj. Omar, 1980.

(f) Ganti nama diri yang merujuk pada kata nama abstrak (bukan manusia) contoh perkataannya ialah:

(g) Kata kerja yang mempunyai rujukan di luar rujukan nahu disebut:

Angka Giliran: _____

- (h) Perkataan keretapi, tengahari, tingkahlaku, terimakasih, rangkaikata disifatkan sebagai:

- (i) Kata gandaan seluruh kata atau kata dasar yang tidak satu pun dari unsurnya yang pernah terdapat di dalam bentuk bukan gandaan disebut:

- (j) Kata yang penggunaannya hanya jelas di dalam hubungan di antara ayat, disebut:

Rujukan: Abdullah Hassan, 1986

- (k) Morfem ialah suatu unit yang digunakan sebagai unit yang direalisasi oleh:

- (l) Proses morfologi yang paling sering berlaku di dalam bahasa Melayu, iaitu:

- (m) Konstruksi yang tidak mempunyai pelaku, disebut:

- (n) Ciri yang terbaik untuk menggolongkan kata adalah:

Angka Giliran: _____

- (o) Kata yang boleh menjadi kepala konstruksi frasa nama, dan kata nama atau frasa kata nama boleh menjadi subjek atau objek ayat, disebut:
-

Rujukan: Nik Safiah Karim et al., 1989.

- (p) Ada morfem yang berubah fungsi nahunya tanpa apa-apa perubahan pada bentuknya. Ia disebut sebagai:
-

- (q) Perkataan yang dihasilkan melalui pencantuman bahagian daripada serangkaian perkataan, disebut:
-

- (r) Imbuhan yang ditambahkan pada kata dasar untuk menentukan atau melahirkan sesuatu makna nahu, disebut:
-

- (s) Perbezaan di antara kata majmuk dan frasa ialah:
-

- (t) Golongan kata yang tidak termasuk kata utama yang sifatnya heterogen, disebut:
-

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B - (10 markah)

2. Pilih satu pembentukan kata yang paling tepat dengan memotong dua pembentukan kata yang salah.

Contoh: mengketengahkan mengenengahkan mengetengahkan

- | | | | |
|-----|----------------|---------------|----------------|
| (a) | penghadan | pengehadan | penhadan |
| (b) | mengesup | menyup | mensup |
| (c) | mencam | mengecam | menycam |
| (d) | mengecas | mengcas | mencas |
| (e) | mengebumikan | mengkebumikan | mengbumikan |
| (f) | memerkarakan | memperkarakan | mengperkarakan |
| (g) | mengperhatikan | memerhatikan | memperhatikan |
| (h) | pengpercik | pemercik | pempercik |
| (i) | mengwujudkan | mengujudkan | mewujudkan |
| (j) | mengcuri | menycuri | mencuri |
| (k) | pengeblok | pemblok | pembelok |
| (l) | mengterawang | menerawang | menterawang |
| (m) | mengeklip | mengelip | mengklip |
| (n) | mengtertawakan | menertawakan | mentertawakan |
| (o) | melibatkan | menglibatkan | memlibatkan |
| (p) | mengpak | mengepak | memak |
| (q) | mempastikan | memastikan | mengpastikan |
| (r) | mengstor | menyetor | menstor |
| (s) | menswastakan | mengswastakan | menyswastakan |
| (t) | mengselusuri | menyelusuri | menelusuri |

BAHAGIAN C - (10 markah)

3. Berdasarkan pembentukan kata yang dipilih pada Bahagian B di atas, sila kemukakan rajah binaan perkataan tersebut dan beri alasan terhadap setiap pemilihan tersebut (20 rajah).

BAHAGIAN D - (60 markah)

4. Dengan menganggap bahawa imbuhan pe (N)+ dan peng+ sebagai Imbuhan Dasar, sila huraikan kedua-dua teori tersebut bagi menerbitkan kata yang berikut ini :
- (a) pekebun,
 - (b) pengebun,
 - (c) perkebun.
5. Sila tulis satu ayat yang di dalamnya terdapat perkataan
- (a) te(r)persuami.
 - (b) Berikan makna gramatikal te(r) yang diimbuhkan pada perkataan persuami.
 - (c) Tulis semula ayat (a) dengan memasukkan makna gramatikal (b) dengan menggugurkan Awalan te(r)+.
6. Perlihatkan cara pembentukan kata bersekedudukan dengan menggunakan rajah dan huraikan lapisan pengimbuhan yang berlaku pada perkataan tersebut.
7. Berdasarkan pengalaman anda semasa membuat alih bahasa, sila kemukakan beberapa perbezaan pembinaan kata di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.
8. Sila kemukakan apakah matlamat gagasan Bahasa Melayu Tinggi dan nyatakan kesulitan yang dihadapi bagi menjayakan matlamat ini.